



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN ROMPIN**
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

26 Oktober 2016

**KENYATAAN MEDIA DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN,
PENGERUSI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN.**

- 1) Hari ini, PAC Parlimen mengadakan prosiding membabitkan Pengurusan Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank) di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.
- 2) Dalam prosiding ini, PAC Parlimen melihat daripada sudut prestasi kewangan Agrobank dan Pengurusan Aktiviti Yang Dilaksanakan bagi memastikan ia benar-benar mengikut tatacara kerajaan yang ditetapkan.
- 3) Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MoA), Datuk Seri Dr. Ismail Bakar; Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) MoA, Mohd Sallehhuddin Hassan serta Dato' Wan Mohd Fadzmi Wan Othman, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Agrobank hadir memberi keterangan di hadapan PAC.
- 4) PAC secara keseluruhannya, berpuas hati dengan penjelasan diberikan saksi-saksi yang hadir dan akan mengadakan mesyuarat penyediaan Laporan PAC bagi mengemukakan rumusan serta syor dalam Laporan PAC yang akan dibentangkan di Dewan Rakyat.
- 5) Mengulas laporan portal berita semalam berhubung terdapat ahli PAC yang memboikot mesyuarat PAC, ingin saya tegaskan isu boikot tidak timbul kerana wakil pembangkang hadir dalam mesyuarat PAC dan yang tidak hadir memaklumkan sebab yang tidak dapat dilakukan.
- 6) Mengikut Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, korum untuk PAC bersidang adalah tiga orang termasuk Pengerusi dan semua mesyuarat yang telah diadakan cukup korum.
- 7) Ahli-ahli PAC dilantik oleh Parlimen dan atas sebabnya itu diharap sama ada ahli Barisan Nasional / Pembangkang harus menghormati pelantikan yang dibuat oleh Parlimen sebagai tanggungjawab dan amanah kepada rakyat untuk meneliti dan memastikan setiap perbelanjaan kerajaan benar-benar dibelanjakan demi kepentingan rakyat.